



کمنتزین کصیحتن

**SOALAN-SOALAN LAZIM MENGENAI VAKSIN  
HUMAN PAPILOMA VIRUS (HPV)**



# ISI KANDUNGAN

<b>BAHAGIAN 1:</b>		
	HPV & Kanser Servik	4
<b>BAHAGIAN 2:</b>		
	Vaksinasi HPV	6
<b>BAHAGIAN 3:</b>		
	Cara Pengambilan Vaksinasi HPV	7
<b>BAHAGIAN 4:</b>		
	Kumpulan Sasaran Bagi Vaksinasi HPV	9
<b>BAHAGIAN 5:</b>		
	Tempat Mendapatkan Vaksinasi HPV	10
<b>BAHAGIAN 6:</b>		
	Kesan Sampingan ('Side- effects') Vaksinasi HP	11
<b>BAHAGIAN 7:</b>		
	Kos Vaksinasi HPV	12
<b>BAHAGIAN 8:</b>		
	Kepentingan Dan Keberkesanan Vaksin HPV	13
<b>BAHAGIAN 9:</b>		
	Program Vaksinasi HPV di Sekolah-Sekolah	14
<b>BAHAGIAN 10:</b>		
	Vaksinasi HPV dan pemeriksaan Pap	16
<b>BAHAGIAN 11:</b>		
	Vaksinasi HPV, Kehamilan dan Penyusuan Susu Ibu ('Breastfeeding')	17
<b>BAHAGIAN 12:</b>		
	Vaksinasi HPV dan Penyakit-penyakit Kronik	18
<b>BAHAGIAN 13:</b>		
	Vaksinasi HPV dan Ubat-ubatan	19
<b>BAHAGIAN 14:</b>		
	Isu-Isu Lain Yang Berkaitan Dengan Vaksin HPV	20

**BAHAGIAN 1:  
HPV & Kanser Servik**

**1.1 Apa itu HPV?**

- Bererti 'Human Papilloma Virus'.
- Virus ini boleh menyebabkan kanser servik.

**1.2 Bagaimana HPV berjangkit?**

- Jangkitan HPV paling kerap terjadi semasa melakukan hubungan kelamin, samaada melalui faraj, mulut atau dubur.
- Seseorang yang telah dijangkiti berkemungkinan tidak menunjukkan sebarang tanda/gejala.
- Seseorang masih boleh mempunyai jangkitan HPV walaupun setelah bertahun lamanya dijangkiti.
- Kebanyakan orang tidak menyedari mereka telahpun menjangkiti pasangan mereka.
- Terdapat kemungkinan dimana seseorang boleh dijangkiti lebih dari satu jenis *subtype* HPV.

**1.3 Apa itu kanser servik?**

- Kanser pada bahagian servik (pangkal rahim).
- Kanser wanita yang kedua paling lumrah di Negara Brunei Darussalam selepas kanser payudara.

**1.4 Apakah kaitan HPV dengan kanser servik?**

- Hampir kesemua kes kanser servik (lebih 99%) dikaitkan dengan jangkitan HPV.
- Jangkitan HPV tertinggi berlaku dikalangan mereka yang berumur 16 ke 20 tahun.

**1.5 Siapakah yang berisiko untuk mendapat kanser servik?**

- Setiap wanita berisiko untuk mendapat kanser servik.
- Risiko kanser servik bermula apabila seorang wanita itu mulai aktif melakukan hubungan kelamin.

**1.6 Dapatkah kanser servik dicegah?**

- Ya, kanser servik boleh dicegah.
- Ujian *Pap smear* dapat mengesan sel-sel yang tidak normal (*pre-cancerous cells*) diperingkat awal, yang mana dapat dirawat sebelum ianya berubah menjadi sel kanser.
- Manakala vaksin HPV pula boleh mencegah jangkitan kuman HPV yang boleh menyebabkan kanser servik.

**BAHAGIAN 2:  
Vaksinasi HPV**

**2.1 Apakah itu vaksinasi HPV?**

- Ia adalah suntikan vaksin yang diberikan bagi mencegah jangkitan HPV yang boleh menyebabkan kanser servik dimasa akan datang.

**2.2 Bagaimana vaksinasi HPV mencegah Kanser Servik?**

- Sehingga kini, terdapat dua jenis vaksin yang boleh melindungi perempuan daripada jangkitan HPV yang menyebabkan kanser servik.
- Kedua-dua vaksin ini telah terbukti berkesan dalam mencegah jangkitan HPV *subtype* 16 dan 18, yang menyebabkan 70% keseluruhan kes kanser servik.

**2.3 Adakah vaksin HPV ini halal?**

- Vaksin HPV telah diiktiraf halal oleh JAKEM, Malaysia.

**BAHAGIAN 3:  
Cara Pengambilan Vaksinasi HPV**

- 3.1 Adakah saya memerlukan ujian darah sebelum mendapatkan vaksinasi HPV?**
- Tidak perlu.
- 3.2 Berapa dos vaksin HPV yang mesti diambil?**
- Vaksinasi HPV diberikan di **lengan** sebanyak 3 kali dalam tempoh 4-6 bulan.
- 3.3 Apakah jadual pengambilan vaksin HPV?**
- Jadual pengambilan vaksin HPV adalah tertakluk kepada jenama vaksin yang diambil.

VAKSINASI	TARIKH
Dos Pertama	Tarikh vaksinasi pertama diberikan
Dos Kedua	1-2 bulan selepas vaksinasi pertama
Dos Ketiga	4-6 bulan selepas vaksinasi pertama

- 3.4 Apakah yang perlu dibuat jika tidak mengikut tarikh perjanjian vaksinasi HPV yang telah diberikan (bagi vaksinasi kedua dan/atau ketiga)?**
- Vaksinasi HPV hanya berkesan sepenuhnya bila ketiga-tiga vaksinasi lengkap diperolehi.
  - Jika terlepas tarikh perjanjian vaksinasi HPV, bolehlah mendapatkan tarikh perjanjian yang baru dari pusat vaksinasi yang terdekat **dengan segera**.
  - Walaubagaimanapun vaksinasi HPV tidak boleh diberikan sebelum tarikh yang telah ditetapkan.

**3.5 Bagaimana vaksinasi HPV diberikan?**

- Vaksinasi HPV diberikan di lengan sebanyak 3 kali dalam tempoh 4-6 bulan seperti jadual yang telah ditentukan.

**3.6 Siapakah yang akan memberikan vaksinasi HPV?**

- Vaksinasi akan diberikan di lengan oleh pekerja kesihatan yang bertauliah dan terlatih.

**3.7 Adakah dos tambahan (*booster*) akan diperlukan pada masa akan datang?**

- Mengikut kajian yang telah dijalankan pada masa ini, dos tambahan (*booster*) adalah tidak diperlukan.



**BAHAGIAN 4:**  
**Kumpulan Sasaran Bagi Vaksinasi HPV**

**4.1 Siapakah kumpulan sasaran bagi Program Vaksinasi HPV?**

- Program Vaksinasi HPV di Negara Brunei Darussalam adalah khusus untuk remaja perempuan (rakyat dan penduduk tetap) bagi Tahun 7, dan diadakan 'catch-up program' bagi remaja perempuan yang menuntut di Tahun 11 sehingga tahun 2015.

**4.2 Bagi mereka yang bukan dalam kumpulan sasaran vaksinasi HPV, adakah mereka masih boleh mendapatkan vaksin tersebut?**

- Ya, semua wanita (rakyat dan penduduk tetap) boleh mendapatkan vaksin HPV di pusat-pusat vaksinasi di daerah masing-masing.
- Walaubagaimanapun menurut kajian-kajian yang telah dilakukan, vaksin HPV adalah:
  - berkesan bagi wanita sehingga umur 45 tahun.
  - paling berkesan bila diberikan kepada mereka yang belum pernah melakukan hubungan kelamin.

**4.3 Siapakah yang terkecuali dari mendapatkan vaksin HPV?**

- Remaja perempuan/wanita berikut tidak boleh diberikan vaksin HPV:
  - Mengandung.
  - Masih memberikan penyusuan dada (Jika mengambil vaksin *bivalent*)
  - Pernah mengalami alahan teruk kepada mana-mana vaksin yang memerlukan rawatan di dalam hospital.

**BAHAGIAN 5:  
Tempat Mendapatkan Vaksinasi HPV**

**5.1 Dimanakah tempat mendapatkan vaksinasi HPV?**

- Bagi remaja-remaja perempuan yang termasuk dalam kumpulan sasaran bagi Program Vaksinasi HPV, vaksinasi HPV akan diberikan di sekolah masing-masing.
- Bagi mereka yang bukan dalam kumpulan sasaran program tersebut, mereka bolehlah mendapatkan vaksin HPV di pusat-pusat vaksinasi di daerah masing-masing.
- Pusat-pusat vaksinasi tersebut ialah seperti berikut:

Pusat Vaksinasi	Nombor untuk dihubungi
Pusat Vaksinasi, Tingkat 6, Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan, Jalan Ong Sum Ping	2230047
Pusat Vaksinasi, Pejabat Kesihatan Daerah Tutong	4222498
Pusat Vaksinasi, Pejabat Kesihatan Daerah Belait	3334279
Pusat Vaksinasi, Pejabat Kesihatan Daerah Temburong	5221526 ext. 186/187

**5.2 Adakah perlu membuat perjanjian awal ('appointment') untuk mendapatkan vaksinasi HPV?**

- TIDAK PERLU.
- Bagi Dos Pertama, mereka hanya perlu menghadirkan diri ke pusat vaksinasi yang berhampiran semasa waktu pejabat.
- Bagi Dos Kedua dan Dos Ketiga, mereka perlu hadir pada tarikh yang telah ditetapkan.

**5.3 Adakah memerlukan surat rujukan (*Referral letter*) bagi mendapatkan vaksinasi HPV?**

- TIDAK PERLU.

**BAHAGIAN 6:**  
**Kesan Sampingan ('Side- effects') Vaksinasi HPV**

**6.1 Adakah vaksinasi HPV ini selamat?**

- Vaksin HPV telah diakui selamat oleh pihak-pihak berkuasa kesihatan di Amerika Syarikat, United Kingdom dan negara-negara Eropah yang lain.

**6.2 Apakah kesan-kesan sampingan vaksinasi HPV?**

- Vaksin HPV adalah selamat digunakan.
- Kesan sampingan jarang berlaku.
- Jika berlaku, diantara kesan sampingan yang dilaporkan ialah kesan sampingan yang ringan seperti:
  - Sakit di tempat suntikan
  - Bengkak dan kemerah-merahan di tempat suntikan
  - Sakit otot
  - Sakit kepala
  - Keletihan
  - Demam
  - Pening
  - Mual
- Kesan sampingan ini hanyalah sementara sahaja dan akan sembuh selepas beberapa hari.
- Ada beberapa kes remaja perempuan yang pernah dilaporkan pengsan selepas menerima vaksin HPV. Oleh itu, mereka dinasihatkan untuk duduk dan berehat selama 15 minit selepas menerima vaksin.

**6.3 Adakah kesan sampingan vaksinasi HPV ini membahayakan?**

- Kesan sampingan dari vaksinasi HPV, jika terjadi, adalah ringan dan sementara sahaja.
- Pada kebiasaannya mereka akan sembuh selepas beberapa hari.

**6.4 Apakah tindakan yang perlu diambil jika kesan sampingan dari vaksinasi HPV berlaku?**

- Mereka dinasihatkan untuk berjumpa dengan Pegawai Perubatan di pusat/klinik kesihatan yang berdekatan.

**6.5 “Bolehkah saya mendapatkan vaksin lain, seperti Fluvax, pada masa yang sama dengan vaksin HPV?”**

- Boleh.

**BAHAGIAN 7:  
Kos Vaksinasi HPV**

**7.1 Adakah vaksinasi HPV ini dikenakan bayaran?**

- Vaksinasi HPV adalah diberikan secara percuma bagi semua perempuan (rakyat dan penduduk tetap).

**7.2 Adakah vaksinasi HPV ini akan dikenakan bayaran pada waktu yang terdekat?**

- Tidak dikenakan bayaran bagi semua perempuan (rakyat dan penduduk tetap).

**7.3 Berapakah bayaran yang dikenakan bagi pemegang kad pengenalan hijau?**

- Bagi semua perempuan yang memegang kad pengenalan berwarna hijau, berikut adalah kos pembayaran yang dikenakan:

	Suntikan Dos			Jumlah
	Pertama	Kedua	Ketiga	
Pakej A	B\$100	B\$100	-	B\$200
Pakej B	B\$200	-	-	B\$200

\*Kos pembayaran adalah tertakluk kepada perubahan

**7.4 Berapakah bayaran yang dikenakan bagi pemegang kad pengenalan hijau yang cuma memerlukan satu atau dua dos vaksinasi HPV sahaja?**

- Bagi yang hanya memerlukan satu atau dua pengambilan dos vaksin HPV, ini akan dikenakan sebanyak B\$ 70 setiap dos.

**7.5 Bagi pelawat dari negara asing (yang cuma menggunakan paspot, dan tidak mempunyai kad pengenalan hijau), bolehkah mereka mendapatkan vaksinasi HPV ini di pusat-pusat vaksinasi yang ada di Negara ini?**

- Tidak boleh.
- Nasihatkan mereka untuk mendapatkan vaksinasi HPV dari klinik swasta yang berdekatan.

**BAHAGIAN 8:**  
**Kepentingan Dan Keberkesanan Vaksin HPV**

**8.1 Kenapa vaksinasi HPV itu penting?**

- Vaksin HPV ialah untuk mencegah dari jangkitan HPV.
- Jangkitan HPV adalah penyebab utama terjadinya kanser servik.
- Jadi, vaksinasi HPV boleh mencegah kanser servik.

**8.2 Sejauh manakah vaksin HPV ini berkesan dalam mencegah kanser servik?**

- Dari kajian-kajian yang telah dijalankan, vaksin HPV yang digunakan boleh mencegah 70% kanser servik.
- Seperti mana-mana ubat dan vaksin lain yang ada, vaksin ini tidak memberikan 100% perlindungan dalam mencegah kanser servik.
- Oleh itu, walaupun sudah menerima ketiga-tiga dos vaksin HPV, pemeriksaan Pap adalah masih diperlukan bagi mereka yang berumur 20 tahun keatas dan pernah melakukan hubungan kelamin.

**BAHAGIAN 9:**  
**Program Vaksinasi HPV di Sekolah-Sekolah**

- 9.1 Siapakah yang termasuk di dalam program vaksinasi HPV ini?**
- Program Vaksinasi HPV di Negara Brunei Darussalam adalah khusus untuk remaja perempuan (rakyat dan penduduk tetap) bagi Tahun 7, dan setiap tahun akan diadakan 'catch-up program' bagi remaja perempuan yang menuntut di Tahun 11 sehingga 2015.
- 9.2 Bolehkah penuntut-penuntut perempuan yang tidak termasuk di dalam kumpulan sasaran program vaksinasi HPV ini mendapatkan vaksinasi HPV?**
- Boleh diberikan.
  - Mereka boleh mendapatkan vaksin HPV dari pusat-pusat vaksinasi yang terdekat.
- 9.3 Adakah program vaksinasi HPV ini dimestikan bagi penuntut-penuntut perempuan yang termasuk di dalam kumpulan sasaran?**
- Penyertaan bagi program vaksinasi HPV adalah secara sukarela.
  - Vaksinasi HPV hanya akan diberikan kepada penuntut-penuntut perempuan yang telah diberi kebenaran oleh ibubapa atau penjaga masing-masing.
- 9.4 Bolehkah ibubapa atau penjaga menukar status kebenaran yang telah diberikan (daripada 'tidak membenarkan' kepada 'membenarkan' dan sebaliknya)?**
- Boleh.
  - Sila maklumkan guru penuntut perempuan tersebut, atau berhubung terus dengan kakitangan kesihatan di Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Sekolah di daerah masing-masing.
- 9.5 Di manakah vaksinasi HPV akan diberikan?**
- Bagi Program Vaksinasi HPV di sekolah-sekolah, vaksinasi HPV akan diberikan di sekolah masing-masing.



**9.6 Adakah subsidi (*discount*) diberikan kepada penuntut-penuntut perempuan yang memegang kad pengenalan berwarna hijau?**

- TIDAK ada subsidi.
- Bayaran bagi penuntut-penuntut perempuan yang memegang kad pengenalan berwarna hijau ialah seperti berikut:

	Suntikan Dos			Jumlah
	Pertama	Kedua	Ketiga	
Pakej A	B\$100	B\$100	-	B\$200
Pakej B	B\$200	-	-	B\$200

\*Bagi yang memerlukan satu atau dua dos vaksin HPV sahaja, akan dikenakan bayaran sebanyak B\$70 bagi setiap dos.  
 \*\*Kos pembayaran adalah tertakluk kepada perubahan.

**9.7 Apakah status bayaran bagi penuntut perempuan yang belum mempunyai kad pengenalan, dimana salah seorang dari ibubapa atau penjaga penuntut ialah pemegang kad pengenalan berwarna kuning atau ungu?**

- Percuma.

**BAHAGIAN 10:**  
**Vaksinasi HPV dan pemeriksaan Pap**

- 10.1 Adakah pemeriksaan Pap masih perlu dilakukan jika sudah menerima ketiga-tiga dos vaksinasi HPV?**
- Ya.
  - Pemeriksaan Pap masih perlu dilakukan walaupun ketiga-tiga dos vaksinasi diperolehi kerana vaksinasi HPV tidak memberikan perlindungan dari SEMUA jenis jangkitan HPV yang boleh menyebabkan kanser servik.



**BAHAGIAN 11:**

**Vaksinasi HPV, Kehamilan dan Penyusuan Susu Ibu ('Breastfeeding')**

**11.1 Adakah vaksinasi HPV boleh diberikan kepada perempuan yang hamil?**

- Tidak boleh.
- Jadual vaksinasi HPV boleh diteruskan setelah perempuan tersebut melahirkan.

**11.2 Adakan vaksinasi HPV boleh diberikan kepada ibu yang sedang menyusukan anak damit?**

- Vaksinasi HPV (vaksin *quadrivalent*) boleh diberikan kepada ibu yang sedang menyusukan anak damit.

**BAHAGIAN 12:**  
**Vaksinasi HPV dan Penyakit-penyakit Kronik**

- 12.1 Bolehkah vaksinasi HPV diberikan kepada mereka yang mempunyai masalah kesihatan seperti kencing manis, tekanan darah tinggi dan masalah jantung?**
- Boleh.
  - Pesakit yang mempunyai masalah kesihatan seperti kencing manis, tekanan darah tinggi dan masalah jantung boleh menerima vaksinasi HPV.
- 12.2 Bolehkah vaksinasi HPV diberikan kepada mereka yang menghidap penyakit kanser?**
- Pesakit yang menghidap penyakit kanser berkemungkinan dibolehkan menerima vaksinasi HPV.
  - Mereka haruslah mendapatkan kebenaran secara bertulis dari pakar perubatan dari hospital terlebih dahulu sebelum vaksinasi HPV boleh diberikan.
- 12.3 Bolehkah vaksinasi HPV diberikan kepada mereka yang menghidap penyakit kanser servik?**
- Boleh.

**BAHAGIAN 13:  
Vaksinasi HPV dan Ubat-ubatan**

- 13.1 Bolehkah vaksinasi HPV diberikan kepada mereka yang mengambil ubat-ubatan untuk masalah kesihatan seperti kencing manis, tekanan darah tinggi, masalah jantung dan sebagainya?**
- Boleh.
  - Pesakit yang sedang mengambil ubat-ubatan untuk masalah kesihatan seperti kencing manis, tekanan darah tinggi, masalah jantung dan sebagainya boleh menerima vaksinasi HPV.
- 13.2 Bolehkah vaksinasi HPV diberikan kepada mereka yang memakan antibiotik?**
- Boleh.
  - Vaksinasi HPV boleh diberikan kepada mereka yang sedang memakan antibiotik.

## BAHAGIAN 14:

### Isu-Isu Lain Yang Berkaitan Dengan Vaksin HPV

#### 14.1 “Bolehkah vaksin HPV diberikan kepada kaum lelaki?”

- Vaksin HPV (*quadrivalent*) memang boleh diberikan kepada kaum lelaki. Untuk makluman, Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam hanya memberi vaksin HPV bagi tujuan untuk mencegah Kanser Servik. Maka, buat masa sekarang vaksin HPV (*quadrivalent*) tidak diberikan kepada kaum lelaki. Walaubagaimanapun, jika ada kaum lelaki yang berminat untuk mendapatkan vaksin HPV (*quadrivalent*) ini, mereka boleh mendapatkannya di Klinik-Klinik Swasta.

#### 14.2 “Saya pernah menjalani pembedahan ‘hysterectomy’. Bolehkah saya mendapatkan vaksin HPV?”

- Secara amnya, ada terdapat dua jenis ‘hysterectomy’ (pembedahan bagi pembuangan rahim) iaitu:
  - ‘Total hysterectomy’ – keseluruhan rahim termasuk servik dibuang;
  - ‘Sub-total hysterectomy’ – servik tidak dibuang.
- Vaksin HPV boleh diberikan kepada mereka yang pernah menjalani ‘Sub-total hysterectomy’.
- Vaksin HPV tidak perlu diberikan kepada mereka yang pernah menjalani ‘Total hysterectomy’ kerana mereka tidak lagi mempunyai servik.
- Jika wanita tersebut tidak pasti mengenai jenis pembedahan yang mereka telah jalani, sila rujuk kepada pakar perubatan masing-masing.

#### 14.3 “Saya tidak lagi didatangi haid sejak 2 tahun yang lalu (*menopause*). Bolehkah saya mendapatkan vaksin HPV ini?”

- BOLEH diberikan.
- Walaubagaimanapun, menurut kajian-kajian yang telah dilakukan, vaksin HPV adalah:
  - berkesan bagi wanita sehingga umur 45 tahun. Selepas itu, keberkesanan vaksin ini dalam mencegah jangkitan HPV dan kanser servik adalah semakin berkurangan.
  - paling berkesan bila diberikan kepada mereka yang belum pernah melakukan hubungan kelamin.